

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
NEGERI PERLIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
PRINSIP PERAKAUNAN**

Tingkatan 5

Kertas 2

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN KEPADA CALON

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
5. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baharu.*
6. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1. (a) Nyatakan andaian dan prinsip perakaunan bagi situasi di bawah.
- i) Pemilik Kedai Komputer Affan telah mengambil sebuah komputer riba untuk kegunaan anaknya dan merekodkan dalam buku perniagaannya sebagai ambilan.
 - ii) Raisya Collection mengambil kira kadar bayaran belum bayar ketika menyediakan Penyata Kewangan.

[2 markah]

- (b) Nyatakan dokumen sumber yang terlibat dalam setiap urus niaga berikut.

Urus niaga		Dokumen
i)	Ambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi.	
ii)	Bank Simpanan Semegah mendebitkan akaun pelanggan kerana bayaran ansuran pinjaman kenderaan.	

[2 markah]

- (c) Berikut adalah petikan maklumat Perniagaan Zam Jaya pada 30 April 2024.

	RM
Kenderaan (Kos)	117 000

Maklumat tambahan:

Kenderaan dibeli pada 1 Januari 2024. Susut nilai adalah pada kadar 20% setahun atas kos.

Hitungkan Susut nilai Kenderaan.

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Futsal Taman Ira.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
Yuran belum terima	3 200	2 100

Pada tahun 2023, jumlah yuran yang diterima berjumlah RM 30 000

Hitung jumlah yuran tahunan.

[2 markah]

- (e) Berikut adalah petikan Belanjawan Tunai bagi bulan Ogos 2024.

Belanjawan Tunai bagi bulan Ogos 2024 (Petikan)

	Ogos
	RM
Baki awal	4 800
Jumlah Penerimaan	12 500
Jumlah Pembayaran	14 300
Lebihan / (Kurangan)	X
Baki akhir	Y

Hitung nilai **X** dan **Y**.

[2 markah]

2. Wardina dan Dahlia merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Wardah. Berikut adalah maklumat yang diperolehi bagi tahun berakhir 30 April 2024.

	Debit RM	Kredit RM
Modal (1 Mei 2023):		
Wardina		45 000
Dahlia		45 000
Akaun Semasa (1 Mei 2023):		
Wardina		2 660
Dahlia	340	
Ambilan :		
Wardina	5 000	
Dahlia	4 000	
Kenderaan	60 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		9 000
Peralatan	30 000	
Susut nilai terkumpul peralatan		3 000
Pinjaman Dahlia		10 000
Tunai	4 240	
Bank	20 780	
Akaun Belum Terima	14 020	
Akaun Belum Bayar		7 090
Inventori (30 April 2024)	12 750	
Untung Kasar		50 300
Gaji Wardina	4 000	
Gaji pekerja	14 000	
Insurans	13 000	
Sewa		11 200
Hutang lapuk	1 580	
Peruntukan hutang ragu		460

Ikatan perjanjian perkongsian telah menetapkan perkara berikut:

- (i) Faedah atas modal 5% setahun.
- (ii) Faedah atas ambilan 4% setahun.
- (iii) Faedah atas pinjaman 8% setahun.
- (iv) Wardina dibayar gaji RM6 000 setahun.
- (v) Untung rugi dibahagikan antara Wardina dan Dahlia secara sama rata.

Maklumat tambahan:

- (i) Sewa diterima berjumlah RM800 sebulan.
- (ii) Insurans prabayar berjumlah RM1 000.
- (iii) Seorang pelanggan telah meninggal dunia dan hutangnya sebanyak RM520 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% daripada Akaun Belum Terima bersih.
- (v) Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
 - Peralatan 10% setahun atas kos.
 - Kenderaan 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2024. [8 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2024. [5 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan). [4 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2024. [8 markah]



3. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Double Sweet pada 31 Mac 2024.

	1 April 2023	31 Mac 2024
	RM	RM
Inventori:		
Bahan langsung	8 540	9 112
Barang siap	11 800	12 900
Kerja dalam proses	7 226	8 552
Alat-alat kecil	440	520
Jualan		270 000
Belian bahan langsung		120 300
Belian alat-alat kecil		850
Pulangan bahan langsung		2 560
Pulangan jualan		2 950
Mesin kilang (kos)		50 000
Angkutan masuk bahan langsung		1 500
Hak cipta		1 200
Susut nilai terkumpul mesin kilang		9 500
Insurans		2 700
Kadar bayaran		3 450
Sewa		20 400
Belanja penyelenggaraan kilang		1 850
Belanja am		760
Gaji pentadbiran		1 260
Gaji operator kilang		68 600
Gaji pengurus kilang		25 900

Maklumat tambahan:

- Susut nilai mesin kilang adalah 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- Belanja penyelenggaraan kilang belum bayar berjumlah RM450.
- Gaji operator kilang berjumlah RM3 500 belum dijelaskan.
- Duti atas belian bahan langsung belum dicatat sebanyak RM640.
- Insurans dan kadar bayaran dibahagikan seperti berikut :

	Kilang	Pejabat
Insurans	70%	30%
Kadar bayaran	80%	20%

- Sewa dan belanja am dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 3 : 1.

Anda dikehendaki:

- Menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2024. [19 markah]
- Menyediakan Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2024. [4 markah]
- Menghitung Titik Pulang Modal jika harga jualan RM35 dan kos berubah seunit RM15. [2 markah]

Bahagian B
[40 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

4. Perniagaan Lin Taq merupakan sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di Arau, Perlis. Imbangan duga berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 30 Jun 2024.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2024

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2023		95 000
Perabot (kos)	25 900	
Kenderaan (kos)	60 000	
Premis	166 000	
Bank		11 000
Tunai	5 500	
Inventori 1 Julai 2023	24 500	
Alat tulis	300	
Pulangan	1 250	360
Belian dan Jualan	183 030	336 500
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	8 500	8 550
Peruntukan hutang ragu		170
Angkutan masuk	300	
Angkutan keluar	450	
Insurans atas belian	250	
Kadar bayaran	3 300	
Insurans	1 440	
Komisen		560
Diskaun	530	350
Hutang lapuk	610	
Susut nilai terkumpul perabot		7 770
Susut nilai terkumpul kenderaan		21 600
	481 860	481 860

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2024 berjumlah RM15 800 pada harga kos dan RM18 500 pada harga pasaran.
- (ii) Insurans yang dibayar adalah untuk setahun bermula pada 1 Januari 2024.
- (iii) Kadar bayaran belum bayar RM300.
- (iv) Komisen diterima adalah RM70 sebulan.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Polisi susut nilai aset bukan semasa:

Perabot	15% kaedah garis lurus
Kenderaan	20% kaedah baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024. [11 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024. [9 markah]

5. (a) Perniagaan Bam Boo menerima Penyata Bank bagi bulan Mei 2024. Penyata tersebut menunjukkan baki yang berbeza daripada Buku Tunai perniagaan tersebut.

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No. cek	Jumlah
2024		RM	2024			RM
Mei 1	Baki b/b	4 180	Mei 2	Insurans	21001	740
3	Jualan	600	4	Belian	21002	800
5	Jualan	1 530	8	Perniagaan Joe	21003	1 600
9	Kedai Rodzi	1 800	10	Azlee	21004	890
14	Kedai Safiah	2 580	12	Gaji	21005	1 400
25	Kedai Latif	3 040	15	Azizah	21006	1 230
			25	Sewa	21007	700
			31	Baki h/b		6 370
		<u>13 730</u>				<u>13 730</u>
Jun 1	Baki b/b	6 370				

Penyata Bank Bank ANDA					
Tarikh	Butir	No. cek	Debit	Kredit	Baki
2024			RM	RM	RM
Mei 1	Baki b/b				4 580 Kt
3	Cek	21000	400		4 180 Kt
5	Cek	21001	740		3 440 Kt
7	Deposit			1 350	4 790 Kt
9	Cek	21002	800		3 990 Kt
14	Deposit			600	4 590 Kt
19	Buku cek		60		4 530 Kt
21	Cek	21003	1 600		2 930 Kt
23	Cek	21005	1 400		1 530 Kt
25	Faedah atas Simpanan Tetap			400	1 930 Kt
27	Dividen			250	2 180 Kt
31	Komisen			200	2 380 Kt

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang diterima pada 5 Mei telah tersalah catat dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima daripada Kedai Safiah pada 14 Mei 2024 telah dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.

Anda dikehendaki:

- (a) Mengemas kini Buku Tunai bagi bulan Mei 2024. [7 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2024 [6 markah]

5. (b) Kesinai Trading menjalankan perniagaan milikan tunggal yang mengamalkan sistem panjar dalam Buku Tunai Runcit dengan diperuntukkan dana runcit sebanyak RM300.

Berikut adalah urus niaga sepanjang bulan April 2024.

	RM
April 1 Baki	?
Menerima cek daripada Ketua Juruwang	258
3 Beli bahan pewangi tandas	26
4 Beli kertas A4	33
11 Bayar tambang “grab”	25
16 Bayar langganan internet	70
17 Beli barang niaga	270
28 Belanja petrol	23

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Buku Tunai Runcit dengan menunjukkan analisis pembayaran alat tulis, tambang dan belanja pejabat dalam **Lampiran A**. Tunjukkan baki dan rekupmen pada 1 Mei 2024.

[7 markah]

6. Maklumat berikut dipetik daripada rekod perakaunan dua buah perniagaan yang menjual perabot bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024.

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024

	Sinar Enterprise		Mentari Enterprise	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		100 380		94 505
<i>Tolak</i> : Kos Jualan				
Inventori awal	7 000		12 122	
<i>Tambah</i> : Belian	72 783		87 662	
	119 869		119 784	
<i>Tolak</i> : Inventori akhir	(43 978)		(34 650)	
Kos Jualan		(75 891)		(85 134)
Untung kasar		24 489		9 371
<i>Tolak</i> : Belanja		(12 807)		(3 106)
Untung bersih		11 682		6 265

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2024

	Sinar Enterprise		Mentari Enterprise	
	RM	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa (nilai buku)</u>		15 915		24 098
<u>Aset Semasa</u>				
Inventori akhir	43 978		14 650	
Akaun Belum Terima	7 850		8 240	
Bank	33 110		28 600	
	84 938		28 600	
<u>Liabiliti Semasa</u>				
Akaun Belum Bayar	(39 171)		(51 490)	
Modal kerja		45 767		27 167
		61 682		51 265
<u>Ekuiti Pemilik</u>				
Modal		50 000		35 000
<i>Tambah</i> : Untung bersih		11 682		6 265
		61 682		51 265

Anda dikehendaki :

- (a) Menghitung nisbah berikut bagi Sinar Enterprise dan Mentari Enterprise.
(berikan jawapan pada dua tempat perpuluhan)
- Tokokan
 - Pulangan atas Modal
 - Nisbah Semasa
 - Kadar Pusing Ganti Inventori (hari)
- [16 markah]
- (b) Berikan tafsiran prestasi Sinar Enterprise dan Mentari Enterprise bagi nisbah di 6 (a) (i)
- [2 markah]
- (c) Berdasarkan perbandingan prestasi di 6 (a), perniagaan manakah yang sesuai untuk dipilih bagi membuat pelaburan?
Berikan alasan anda.
- [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

5 b)

LAMPIRAN A

BUKU TUNAI RUNCIT

Tarikh	Butir	Folio	Penerimaan RM	Pembayaran RM	Analisis Pembayaran		
					Alat Tulis	Tambang	Belanja pejabat